

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**  
**TARIKH : 17.11.2014 (ISNIN)**

**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam mengawal petrol dan diesel bersubsidi daripada disalah guna oleh bukan rakyat Malaysia yang berkunjung ke negara ini membawa kenderaan sendiri bertangki besar serta kebanyakan guna plat nombor negara ini terutama di sempadan Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Buat masa ini, Kerajaan tidak mempunyai dasar untuk menyekat terus warganegara asing yang menggunakan kenderaan berpendaftaran Malaysia daripada membeli minyak petrol RON 95 dan diesel di stesen-stesen minyak di Negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi mengawal dan mencegah penyelewengan petrol RON95 dan diesel daripada berlaku di sempadan Negara, antaranya melalui pendekatan berikut:

- i) melarang penjualan melebihi 20 liter bagi kenderaan asing dalam radius 50km dari sempadan negara;
- ii) menghadkan waktu operasi stesen minyak dalam radius 10km dari kawasan sempadan sehingga jam 10.00 malam sahaja;
- iii) menghadkan kuota jualan diesel dan petrol RON 95 di stesen-stesen minyak dalam radius 25km dari sempadan negara tidak melebihi 600,000 liter sebulan;
- iv) mengenakan syarat larangan penjualan ke dalam tangki tambahan;
- v) mewartakan diesel, RON 95 dan gas petroleum cecair sebagai barang larangan eksport di bawah Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011; dan
- vi) menangkap dan mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana warganegara asing yang didapati cuba menyelewengkan minyak petrol RON 95 dan diesel khususnya

membawa keluar bahan api tersebut melalui tangki kenderaan yang telah diubah suai.

Selain itu, KPDNKK turut berkerjasama dengan Agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Imigresen Malaysia di sempadan Negara dalam usaha mengawal penyelewengan dan penyeludupan petrol dan diesel bersubsidi oleh rakyat asing. Dari tahun 2007 hingga Ogos 2014, sejumlah 3015 kes serahan dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM26.17 juta diterima dari agensi-penguatkuasaan di sempadan Negara.